

**Pelaburan Mara Selesai Ambil Alih KFH Ijarah Pada RM1 Juta
Bernama
25 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 25 Mac (Bernama) -- Pelaburan Mara Bhd (PMB) mengambil alih syarikat berasaskan perkhidmatan kewangan Islam, KFH Ijarah House (M) Sdn Bhd, membabitkan sejumlah RM1 juta.

Berikutan proses pengambilalihan anak syarikat Malaysia KFH Capital Sdn Bhd itu, KFH Ijarah House akan dikenali sebagai PMB Tijari Bhd, dengan PMB akan menyuntik modal sebanyak RM100 juta ke dalam syarikat berkenaan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Mara Nazim Rahman berkata rekod yang dimiliki syarikat tersebut dalam sektor kewangan Islam mendorong kumpulan tersebut mengambil alih KFH Ijarah.

PMB Tijari akan menawarkan perkhidmatan berunsurkan syariah yang memenuhi keperluan dan objektif kewangan pelaburan kumpulan tersebut.

"Dengan selesainya proses pengambilalihan syarikat ini, kami akan menyasarkan sektor komersil bagi pembiayaan berunsurkan syariah.

"PMB Tijari akan menguruskan aktiviti pembiayaan kewangan Pelaburan Mara," kata Nazim kepada media selepas mengumumkan pengambilalihan KFH Ijarah oleh PMB Selasa.

Nazim berkata PMB melalui PMB Tijari sedang berbincang dengan beberapa syarikat kecil dan sederhana dalam kumpulan itu membabitkan pembiayaan kewangan.

Sementara itu, PMB turut menyasarkan untuk mencapai saiz dana yang diuruskannya kepada RM1.5 bilion menjelang suku kedua tahun ini berbanding RM700 juta setakat ini.

"Kami akan memperkenalkan beberapa dana baharu termasuk dana khusus pendidikan dan korporat bagi mencapai matlamat tersebut," katanya.

Pada majlis yang sama, Pelaburan Mara turut menyerahkan sumbangan zakat perniagaan sebanyak RM100,000 bagi tahun perniagaan berakhir 31 Dis 2012, kepada Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1024729>